

Headline	Laksana badal haji untuk arwah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	16	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	252 cm ²
Journalist	KASANABILAH KAMARULZAMAN	AdValue	RM 6,565
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,695



Sebanyak 14 jemaah Malaysia meninggal dunia ketika mengerjakan Rukun Islam kelima

Laksana badal haji untuk arwah

Oleh KASANABILAH KAMARUL ZAMAN

KUALA TERENGGANU – Tabung Haji (TH) semalam memberitahu, sebanyak 14 jemaah haji Malaysia disahkan meninggal dunia ketika mengerjakan Rukun Islam kelima itu pada tahun ini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Badlisyah Abdul Ghani berkata, sembilan kematian dilaporkan berlaku di Mekah dan dua di Madinah manakala bakinya masing-masing satu di Hospital Putrajaya, Muzdalifah dan Mina.

Katanya, sembilan daripada jemaah haji yang meninggal dunia itu tidak sempat untuk melaksanakan ibadah wukuf.

“Bagaimanapun, kita sudah selesai membuat badal haji buat kesemua mereka yang tidak sempat melaksanakannya.

“Lima lagi jemaah sempat mengerjakan ibadah wukuf. Ini bermakna mereka telah melengkapkan ibadah haji masing-masing,” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Beliau ditemui selepas melawat keluarga salah seorang jemaah haji yang meninggal dunia, Zakaria Abdullah, 53, di Kampung Sekati, Manir di sini.

Badlisyah berkata, Zakaria disahkan meninggal dunia akibat serangan jantung ketika melakukan solat sunat pada pukul 9.30 pagi, 9 September lalu di Masjidil Haram dan jenazahnya selamat dikebumikan di tanah

Perkuburan Syaraek, Mekah.

Beliau berkata, Allahyarham yang terpilih untuk mengikuti Program Khas Haji Perdana Menteri Yayasan IMDB berlepas ke Tanah Suci pada 26 Ogos lalu meninggalkan balu, Roslina Abd. Rahim dan dua anak.

“Sempena majlis ziarah dan tahlil ini juga, kita telah menyerahkan khairat kematian dan beberapa buah tangan kepada keluarga arwah. Kita berdoa semoga arwah ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman,” ujarnya.



ZAKARIA



BADLI SYAH (kiri) bertanyakan sesuatu kepada Roslina ketika mengadakan lawatan ke rumah Allahyarham Zakaria di Manir semalam.